



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **82 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,992 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 107 menjadikan jumlah kumulatif 55,361 orang. Seramai 1,010 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 313 orang di hospital, 632 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 65 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 56 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 8 Ingin dimaklumkan bahawa PKRC Dewan Selagon Beaufort telah ditutup secara rasmi mulai 15 April 2021.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **1,004** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,797** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **28** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,178** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,169** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **433,312** (mysejahtera 393,989 : laman web 39,077 : talian vaksinasi 246) bersamaan 14.8%.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **308,705** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 62 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 22,820 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 171 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Tawau 11 orang
 - Sembilan (9) orang membawa penumpang berlebihan
 - Satu (1) orang tiada penjarakan sosial
 - Satu (1) orang rentas negeri/daerah tanpa kebenaran

- Papar dua (2) orang.
 - Gagal memakai pelitup muka

- Kota Kinabalu satu (1) orang
 - Gagal memakai pelitup muka

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 37 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 391 lokasi melibatkan seramai 212 anggota APM.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 58 anggota di 62 lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Sandakan dan Kota Marudu.

7 Sejumlah 82 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 150 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Beluran	98%
3	Beaufort	98%
4	Papar	98%
5	Kinabatangan	98%
6	Ranau	97%
7	Tenom	97%
8	Kota Marudu	97%
9	Sipitang	97%
10	Kudat	97%
11	Kota Belud	96%
12	Kunak	96%
13	Penampang	96%
14	Keningau	96%
15	Kota Kinabalu	96%
16	Tuaran	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

20 APRIL 2021